

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Images

TARIKH : Khamis, 11 Januari 2018

### TENGKU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH



#### Caption

KUALA LUMPUR, 11 Jan -- Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah (tiga, kiri) menyerahkan buku 'Istana Pahang: The Palace of Pahang' kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (tiga, kanan) selepas melancarkan buku tersebut di Perpustakaan Negara hari ini.

Turut hadir adinda baginda Tengku Puteri Bongsu Pahang Tengku Shahariah Sultan Ahmad Shah (dua, kiri) dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaacob (dua, kanan).

Buku dwibahasa tersebut menceritakan nilai artistik seni bina Istana Pahang yang merupakan monumen kebesaran raja-raja, sejarah kesultanan Pahang, peranan istana, singgahsana diraja Pahang, adat istiadat, persalinan, santapan dan keunikan Bandar Diraja Pekan.

--fotoBERNAMA (2018) HAK CIPTA TERPELIHARA